

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI

KAWASAN : LABUAN

TARIKH : 04.04.2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 132

SOALAN:

YB DATUK ROZMAN BIN ISLI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah strategik untuk menjadikan Labuan sebagai pusat perdagangan antarabangsa dan membolehkan ia memainkan peranan dalam proses integrasi ekonomi ASEAN.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Setelah hampir 50 tahun kewujudan ASEAN, Komuniti ASEAN telah secara rasminya dibentuk pada 31 Disember 2015. Komuniti ASEAN ini merangkumi 3 tonggak iaitu Komuniti Politik dan Keselamatan, Komuniti

Ekonomi atau AEC (*ASEAN Economic Community - AEC*) dan Komuniti Sosio-Budaya. Selama hampir lima dekad ini, ASEAN telah melaksanakan beberapa langkah untuk memperkukuhkan ekonomi bagi mewujudkan sebuah pasaran tunggal. Bagi tujuan ini, ASEAN telah melaksanakan penghapusan tarif import serta halangan-halangan ke atas sektor perkhidmatan dan pelaburan, dan juga memudahkan aliran mobiliti pekerja mahir serta modal di rantau ini.

2. Liberalisasi dan integrasi ekonomi ASEAN ini juga telah berjaya meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pusat pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Usaha-usaha yang diambil untuk memperkukuhkan integrasi ASEAN ini juga dilihat telah memberi manfaat dan impak yang positif kepada Malaysia dan juga negara-negara ASEAN yang lain dalam menghadapi krisis dan ketidaktentuan ekonomi global.

3. Integrasi ekonomi ASEAN telah membawa kesan positif kepada Malaysia dengan pergerakan barangan, perkhidmatan, tenaga kerja mahir dan modal yang lebih bebas. Perdagangan Malaysia dengan ASEAN juga berada di tahap yang memberangsangkan dimana ASEAN merupakan rakan perdagangan yang terbesar dengan jumlah perdagangan sebanyak RM401.53 bilion atau 27.4 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia pada tahun 2015. Di samping itu, Malaysia merupakan antara negara pelabur utama dikalangan ASEAN di mana syarikat-syarikat Malaysia telah melabur secara meluas di dalam bidang perbankan, perladangan, perhotelan dan pelancongan, industri penerbangan, sektor

perkilangan, utiliti dan infrastruktur. Jumlah pelaburan langsung asing dari negara-negara ASEAN ke Malaysia juga telah meningkat, dengan jumlah pelaburan sebanyak US\$2.77 bilion pada tahun 2014. Selain itu, bank tempatan juga telah meluaskan pasaran ke negara-negara ASEAN seperti Maybank dan CIMB yang berada di negara-negara ASEAN seperti Filipina, Singapura, Indonesia, Viet Nam dan Lao PDR.

4. Sehubungan itu, Labuan perlu mengambil kesempatan di dalam proses integrasi ekonomi ASEAN ini bagi menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat perdagangan antarabangsa. Labuan juga perlu melaksanakan strategi pemasaran dan promosi yang lebih agresif bagi menarik pelancong tempatan dan asing serta pelaburan ke wilayah berkenaan. Di antara langkah yang boleh diambil bagi mempromosikan Labuan adalah dengan menyertai misi perdagangan dan pelaburan yang dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) bagi mendapat pendedahan mengenai peluang perdagangan dan perniagaan di pasaran antarabangsa.

5. Menyedari potensi Labuan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara, Kerajaan telah mengisytiharkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (*International Offshore Financial Center – IOFC*) pada Oktober 1990. Selaras dengan status berkenaan, fokus pembangunan Labuan adalah tertumpu kepada pembangunan sektor kewangan luar pesisir, dan dalam masa yang sama memajukan pulau tersebut dan kawasan sekitarnya dalam aktiviti yang bersesuaian seperti sektor pelancongan.

6. Untuk itu, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) telah ditubuhkan dengan peranan khusus untuk membangun dan mempromosikan Labuan sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa. Menerusi Labuan FSA, pelbagai inisiatif telah dirangka berdasarkan *Financial Sector Blueprint* (FSBP) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan dilaksanakan seperti berikut :

(i) **Menjadikan Labuan IBFC sebagai pusat yang dinamik dengan rangkaian kewangan serantau dan antarabangsa**

(a) Mengkaji semula rangka kerja perundangan dan percukaian melibatkan perdagangan antarabangsa, pelaburan dan pembangunan perniagaan menerusi inisiatif berikut:

- Memperkenalkan perubahan kepada perundangan semasa bagi menggalakkan perniagaan serta memantapkan kawal selia; dan
- Memperkemas rangka kerja dan dasar-dasar percukaian untuk menyokong pertumbuhan perniagaan termasuk meningkatkan *transparency and certainty* serta mematuhi *internationally agreed standard for exchange of information for tax purpose*

(b) Mengukuhkan kerjasama tempatan dan antarabangsa bagi mengukuhkan dan mengiktiraf peranan Labuan IBFC di rantau Asia; dan

- (c) Membentuk ekosistem yang dinamik bagi menyokong pembangunan produk kewangan luar pesisir termasuk produk kewangan patuh syariah.

(ii) **Menyediakan Sistem Kewangan Islam Antarabangsa yang unggul**

- (a) Mempelbagaikan produk dan perkhidmatan patuh syariah bagi menyokong sistem kewangan negara di bawah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC); dan
- (b) Membentuk sistem kewangan berdasarkan prinsip-prinsip Islam menerusi kerjasama dengan pihak industri.

(iii) **Membentuk Regim Kawal Selia dan Pemantauan yang Kukuh**

Usaha terus dilakukan bagi mengukuhkan Labuan IBFC sebagai pusat perniagaan yang kukuh, teratur dan berwibawa menerusi standard pengawalseliaan dan amalan terbaik antarabangsa (*best practises*). Ini termasuk memperkenalkan keperluan modal dan memperkenalkan produk kewangan yang sofistikated bagi industri insurans dan perbankan; mempertingkatkan rangka kerja urus tadbir korporat (*corporate governance*) dan amalan pasaran (*market conduct*); dan penyeliaan serta penguatkuasaan yang sistematik dan intensif.

7. Dalam konteks melengkapkan proses integrasi ekonomi ASEAN, Negara-negara ASEAN telah bersetuju supaya Dana Infrastruktur ASEAN (ASEAN Infrastructure Fund - AIF) dengan ekuiti permulaan berjumlah USD 485 juta ditubuhkan dan diterajui oleh Labuan IBFC. AIF bertujuan untuk menggembeleng sumber kewangan dari negara ASEAN untuk membantu negara anggotanya dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan antara projek yang telah dibangunkan melibatkan sektor tenaga, air dan ICT di Indonesia, Viet Nam, Myanmar dan Lao PDR.

8. Penubuhan AIF di Labuan IBFC melambangkan kerjasama inovatif di rantau ASEAN bagi memenuhi keperluan dana khususnya bagi pembangunan infrastruktur di negara-negara ASEAN termasuk Malaysia. Ini jelas menunjukkan pengiktirafan serta kepercayaan antarabangsa khususnya Komuniti ASEAN terhadap Labuan IBFC, serta secara tidak langsung memperkukuh peranan Labuan IBFC sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa di rantau ini.